

Kitab Pati Rahsia Susunan
Haji Nik Mahmud bin Ismail:
Satu Penelitian Terhadap Sumber-sumber
Penghujahannya

Norhafizah Mat Yusoff
Hasanulddin Mohd
Abdul Manam Mohamad

ABSTRACT

This study is about "Kitab Pati Rahsia" which was written by Haji Nik Mahmud bin Ismail. It is a religious book which has existed in Malay society for a long time, especially in Kelantan. It covers many topics such as the collection of Quranic verses and chapters, the advantages of Quranic verses and chapters, and more. This study focusses on the sources of laws applied by the writer and finds that there are many sources which are acceptable as a proof in Islamic Jurisprudence, however there are some sources which are not acceptable.

Pendahuluan

Kitab Pati Rahsia susunan Haji Nik Mahmud bin Ismail adalah sebuah kitab bercorak keagamaan yang telah lama berada di kalangan masyarakat Melayu khususnya di negeri Kelantan. Kitab ini disusun oleh seorang yang sangat berpengaruh dan telah memberi sumbangan yang besar kepada negeri Kelantan pada suatu masa dahulu. Haji Nik Mahmud bin Ismail adalah merupakan bekas Menteri Besar Kelantan (1921-1945). Beliau juga merupakan tokoh sezaman dan sahabat baik kepada tokoh ulama Nusantara yang sangat terkenal suatu masa dahulu iaitu Tok Kenali.

Pengenalan Umum *Kitab Pati Rahsia*

Kitab Pati Rahsia adalah karya susunan dan terjemahan Haji Nik Mahmud bin Ismail daripada beberapa kitab Arab. Perkara ini disebut secara jelas oleh Haji Nik Mahmud sendiri dalam bahagian pendahuluan kitab itu:

..... maka inilah sehidangan bermacam-macam ilmu daripada hantaran hukama dan ulama diterjemahkannya daripada kitab khazanah al-Asrar, Syams al-Ma'arif, Mujarrabat al-Dayrabi, al-Fuduyat al-Ilahiyyah dan al-Sirr al-Rabbani dan lain-lainnya dan kami

namakannya Pati Rahsia.....

(Nik Mahmud 2002, 6)

Judul lengkap bagi karya ini ialah *Kitab Pati Rahsia: Dihiasi di dalamnya Nama Allah yang Maha Besar lagi Maha Tinggi, Kelebihan Bismillahirrahmanirrahim, Fatihah, ayat-ayat Hizb' dan lain-lainnya*. Ia merupakan hasil karya Datuk Perdana Menteri Haji Nik Mahmud bin Ismail. Kitab ini ditulis pada tahun 1944 iaitu selepas Haji Nik Mahmud bersara daripada jawatan Menteri Besar Kelantan.

Isi kandungan kitab ini secara keseluruhannya adalah bercampuraduk dan tidak khusus kepada satu bidang sahaja. Sebahagian besar kitab ini menyentuh tentang rahsia serta kelebihan nama-nama Allah, ayat-ayat dan surah-surah al-Quran serta amalan-amalan tertentu yang secara khusus menggunakan surah dan ayat al-Quran. Selain itu, dalam kitab ini juga banyak mendedahkan ilmu-ilmu kebatinan termasuk ilmu *nafsi*, amalan *Hizb'*, ilmu pengasih serta kaedah-kaedah tertentu yang berkait dengan jin dan khadam.

Biodata Ringkas Penyusun Kitab

Haji Nik Mahmud bin Ismail dilahirkan pada tahun 1882/1883 Masihi bersamaan 1300 Hijri.² Beliau berasal daripada keluarga yang sangat dihormati. Bapa beliau, Haji Ismail Qhadi bin Haji Mahmud³ turut tersenarai antara ulama yang terkenal di Kota Bharu, Kelantan pada separuh kedua abad ke-19.⁴ Haji Ismail Qhadi juga termasuk salah seorang guru awal Tok Kenali, ulama tersohor Kelantan.

¹ *Hizb* ialah wirid yang diamalkan serta dibiasakan oleh seseorang seperti solat, bacaan dan lain-lain. (Lihat: Ahmad bin Muhammad bin Ali al-Fayyumi al-Muqri, (2000), *al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Syarh al-Kabir, C. 1, Kaherah: Dar al-Hadith. hlm. 83*).

² Temubual bersama Ismail Che Daud, di JHEAIK pada 2 Ogos 2002.

³ Nama bapa Haji Nik Mahmud ini ditulis dalam Kertas Projek Seti Khadijah, sebagai Haji Ismail bin Abdul Mubin (Seti Khadijah binti Haji Abdul Rahman (1978), Datuk Perdana Menteri Haji Nik Mahmood: Satu Tinjauan Tentang Ketokohan dan Peranannya Dalam Pentadbiran Negeri Kelantan, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 37). Kesilapan ini telah diperbetulkan oleh Ismail Che Daud (Ismail Che Daud, Majalah *Hidayah, op. cit.*, hlm. 67). Menurut penjelasan lisan Ismail Che Daud lagi, Abdul Mubin (nama penuhnya Haji Wan Abdul Mubin) itu sebenarnya bapa kepada ibu Datuk Haji Nik Mahmud Ismail). Perhatikan salasilah lengkapnya: Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail Qhadi bin Haji Mahmud bin Che Seman. Che Seman itu pula ialah suami Che Bibah (Wan Habibah) binti Haji Wan Abdul Mubin.

⁴ Antara alim ulama lain yang seangkatan dengan beliau termasuklah tokoh-tokoh seperti Tuan Tabal, Tuan Padang dan Tuan Pangkalan Tangga. (Lihat: Majalah *Suara Dakwah*, terbitan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Februari 1998, hlm. 11).

Haji Nik Mahmud telah mendapat pendidikan awal daripada bapa beliau sendiri iaitu Haji Ismail bin Haji Mahmud bersama-sama Tok Kenali. Bentuk pendidikan yang diterima oleh beliau ini hanyalah berupa pendidikan tidak formal dan lebih menitikberatkan pengajaran mengenai soal-soal keagamaan seperti membaca al-Quran, rukun-rukun Islam dan perkara-perkara asas dalam agama Islam (Seti Khadijah 1978, 38). Setelah melengkapkan dirinya dengan pendidikan agama yang asas, beliau telah pergi ke Pattani untuk meneruskan pengajian. Di Pattani, selain mendalami bidang-bidang keagamaan, beliau mula belajar ilmu-ilmu kebatinan seperti ilmu kebal, ilmu besi, ilmu nafas dan sebagainya. Kemudiannya, beliau telah dihantar ke Timur Tengah untuk meneruskan pengajian (Seti Khadijah 1978, 40). Beliau dibawa oleh ibunya untuk belajar di Mekah selepas kematian bapa beliau.⁵

Semasa di Mekah, beliau telah sempat menuntut ilmu daripada beberapa orang tokoh ulama yang terkenal. Antaranya adalah Syeikh Wan Ahmad Muhammad Zain al-Fatani.⁶ Antara tokoh ulama terkenal lain yang bersama-sama beliau pada ketika itu termasuklah Tok Kenali. Jika Tok Kenali lebih cenderung mewarisi ilmu tatabahasa Arab dan ilmu-ilmu yang tinggi daripada Syeikh Wan Ahmad, Haji Nik Mahmud pula lebih cenderung kepada ilmu-ilmu kemasyarakatan, ilmu-ilmu politik dan pentadbiran. Selain Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, Nik Mahmud juga sempat berguru di Mekah dengan Tok Wan Ali Kutan.⁷ Haji Nik Mahmud meninggalkan Tanah Suci Mekah pada tahun 1904 dan kembali ke tanah air untuk mencurahkan bakti dan khidmatnya kepada agama dan bangsa (Seti Khadijah 1978, 42).

Haji Nik Mahmud yang lebih dikenali dengan gelaran Dato' Perdana Menteri Paduka Raja oleh kebanyakan rakyat Kelantan merupakan antara pembesar tertinggi negeri Kelantan yang tersohor pada separuh pertama abad kedua puluh Masihi. Beliau dilantik menjadi Menteri Besar Kelantan yang baru selepas kematian Dato' Menteri Che Hasan Muhammad Salleh pada awal 1921. Di samping berkebolehan dalam hal-hal pemerintahan dan pentadbiran negeri, Haji Nik Mahmud juga tidak ketinggalan memberi sumbangan dalam bidang penulisan. Secara umumnya, karya-karya Haji Nik Mahmud boleh

⁵ Temubual bersama Ismail Che Daud, 20 Disember 2003, jam 4.30 petang di kediaman beliau di Kampung Dusun Muda, Kota Bharu.

⁶ Nama penuh beliau ialah Wan Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani; Berasal daripada keturunan para mubaligh agama Islam yang datang dari Hadramaut; Beliau dilahirkan di Kampung Jambu, Pattani pada 10 Julai 1856 (5 Syaaban 1272); Merupakan tokoh ulama Melayu terulung dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan; Meninggal pada 14 Januari 1908 (11 Zulhijjah 1325) (Lihat: Ismail Che Daud 1989, *op. cit.*, hlm. 55-75).

⁷ Nama penuh beliau ialah Haji Wan Ali bin Wan Abdul Rahman bin Wan Abdul Ghafur; Dilahirkan di Kampung Kutan, Tumpat, Kelantan pada tahun 1820-an; Beliau merupakan seorang guru di Masjidil Haram dan ramai ulama Pattani dan Kelantan yang berguru dengan beliau; antaranya termasuklah Tok Kenali dan Tok Bachok. Nama beliau terkenal dengan dua kitab karangan beliau yang masyhur iaitu *Lum'at al-Aurad* dan *al-Jauhar al-Mauhub*. Beliau meninggal pada tahun 1913. (Lihat: Ismail Che Daud 1989, *op. cit.*, hlm. 77-88).

dibahagikan kepada dua bidang yang besar iaitu bidang sejarah dan juga bidang keagamaan. Antara buku-buku yang termasuk di bawah bidang sejarah adalah:

1. Kitab Geografi dan Tarikh Negeri Kelantan (1926).
2. Ringkasan Cetera Kelantan (1933).

Manakala buku-buku yang termasuk dalam bidang keagamaan pula adalah:

1. Kitab Cahaya Purnama (1918).
2. Tajuk Kemuliaan (1931).
3. Kitab Perbendaharaan Mastika (1944).
4. Kitab Pati Rahsia (1944).

Latar Belakang Penerbitan Kitab

Kitab Pati Rahsia diterbitkan untuk kali pertamanya oleh Percetakan al-Ahliyyah Sdn. Bhd., Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu, Kelantan dalam tulisan jawi. Buku setebal 176 muka surat (termasuk 15 halaman untuk senarai isi kandungan) ini sememangnya mempunyai daya penarik dan keistimewaan tersendiri yang menyebabkan orang ramai, khususnya rakyat Kelantan berminat untuk memilikinya. Sambutan hangat terhadap kitab ini menyebabkan ia diulang cetak dan cetakan terbaru yang dapat dikenalpasti ialah terbitan Dian Darul Naim Sdn. Bhd., Kota Bharu, Kelantan. Cetakan pada Januari 2002 tersebut ialah cetakan yang pertama bagi edisi rumi.

Kandungan Umum Kitab

Kitab Pati Rahsia disusun tanpa pembahagian bab yang teratur dan tersusun. Ia merangkumi topik-topik besar seperti himpunan ayat dan surah al-Quran, nama-nama Allah, selawat, doa, *hizb*, mimpi dan lain-lain lagi. Setiap topik yang dibincangkan hanya di bawah tajuk kecil dan tidak dikelaskan dalam bab-bab tertentu yang khusus. Terdapat kira-kira 73 tajuk kecil di dalam buku ini. Tajuk-tajuk kecil tersebut boleh dibahagikan kepada 8 bahagian iaitu:

1. Fadilat ayat dan surah-surah al-Quran.
2. Amalan ayat 4, ayat 5, ayat 7 dan ayat 15.
3. Amalan *Hizb*.
4. *Riadah* surah al-Quran dan nama-nama Allah.
5. Fadilat-fadilat lain.
6. Waktu mustajab berdoa, syarat dan adab berdoa.

7. Kaifiat (kaedah) untuk tujuan-tujuan tertentu.
8. Amalan dan ilmu-ilmu tertentu.

Sumber-sumber Penghujahan Haji Nik Mahmud Dalam Kitab *Pati Rahsia*

Terdapat beberapa sumber yang menjadi teras rujukan dan penghujahan kepada fadilat-fadilat ayat dan surah yang dibawa dalam *Kitab Pati Rahsia*. Sumber-sumber tersebut ialah hadith-hadith Rasulullah s.a.w., kata-kata sahabat, *tajribah* atau pengalaman, dan mimpi.

Hadith-hadith

Hadith adalah antara sumber penghujahan yang terpenting dan paling banyak dibawa oleh Haji Nik Mahmud dalam menjelaskan fadilat sesuatu ayat atau surah al-Quran. Dalam *Kitab Pati Rahsia* ini, terdapat kira-kira 67 buah hadith yang berkaitan dengan fadilat sesuatu ayat atau surah al-Quran. Dalam membincangkan fadilat surah-surah al-Quran berdasarkan hadith Rasulullah, penulis mendapati Haji Nik Mahmud banyak memetik isi kandungan daripada kitab *Khazinah al-Asrar* dan kemudiannya menterjemahkan hadith-hadith tersebut tanpa membawa *matan* atau teks asal hadith tersebut seperti yang terdapat dalam kitab asal. Hadith-hadith tersebut dimulakannya dengan menyebut 'sabda Rasul'. Berikut ialah contoh fadilat surah-surah dan ayat-ayat al-Quran yang berhujahkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w.:

- Sabda Rasulullah s.a.w.: Ertinya: Siapa-siapa membaca Fatihah, nescaya mendapat pahala baginya seumpama pahala orang yang membaca 7 kali al-Quran, Taurat, al-Injil dan al-Zabur dan suhuf Idris dan Ibrahim. Dan tiap-tiap satu huruf yang dibacanya itu, dikurnia kepadanya satu darjat di dalam syurga yang luasnya seumpama perantaraan bumi dengan langit.
(Nik Mahmud 2002, 10)
- Sabda Rasulullah s.a.w.: Ertinya: Apabila selesai imam daripada membaca al-Fatihah, hendaklah kamu baca amin, nescaya diperkenankan permintaan kamu.
(Nik Mahmud 2002, 10)
- Sabda Rasulullah s.a.w.: Ertinya: Siapa-siapa membaca Surah al-Waqi'ah nescaya selamat daripada papa selama-lamanya.
(Nik Mahmud 2002, 55)

Seperti yang termaklum bahawa hadith atau as-Sunnah merupakan sumber perundangan Islam yang kedua selepas al-Quran. Setiap orang Islam tidak mungkin dapat memahami syariat Islam kecuali dengan merujuk kepada al-Quran dan juga as-Sunnah. Perkara ini telah disepakati oleh umat Islam sejak zaman awal Islam lagi. Allah memerintahkan umat Islam mentaati

Rasulullah s.a.w. dan menjadikan hadith-hadith baginda sebagai panduan dan ikutan dalam setiap urusan dan amalannya, seperti firman Allah (Surah an-Nisa': 59):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ
مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

Dalam konteks fadilat al-Quran, seperti yang telah dibincangkan sebelum ini bahawa pandangan as-Sunnah terhadapnya adalah jelas. Rasulullah s.a.w. menerangkan fadilat al-Quran secara umum dan khusus. Justeru, dalam menganalisa hadith-hadith yang dijadikan rujukan dalam menerangkan fadilat ayat atau surah al-Quran dalam *Kitab Pati Rahsia*, maka pendekatan yang mesti diambil ialah dengan mengenalpasti hadith-hadith yang terlibat serta menentukan kedudukannya sama ada ia *sahih*, *hasan*, *da'if* atau sebagainya.

Kata-kata Sahabat

Selain hadith-hadith Rasulullah, kata-kata sahabat juga menjadi sumber penghujahan Haji Nik Mahmud dalam membincangkan fadilat surah al-Quran. Terdapat dua orang sahabat yang kata-katanya menjadi hujah dalam menerangkan fadilat ayat dan surah al-Quran dalam *Kitab Pati Rahsia* iaitu:

- Sabda Saidina Ali r.a., ertinya: Siapa-siapa yang mengamalkan Surah (تبارك الذي بيده الملك) nescaya dibawa akan dia pada hari kiamat di atas sayap malaikat serta rupanya yang elok seperti rupa Nabi Yusuf.
(Nik Mahmud 2002, 57)
- Sabda Ibn Abbas r.a. ertinya: Siapa-siapa yang mengamalkan Surah (تبارك الذي بيده الملك) menjadi wiridnya nescaya beroleh pertolongan Allah iaitu di dalam kubur. Apakala azab hendak datang ke pihak kepalanya menyerulah satu seruan: Tiada boleh engkau datang ke pihak kepala itu kerana di situ ada membaca Surah (تبارك الذي بيده الملك) begitulah seruan apakala azab datang ke pihak kakinya dan perutnya kerana ia mengandungi Surah (تبارك الذي بيده الملك) ialah bagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang telah disebut dahulu...
(Nik Mahmud 2002, 57)

Perbincangan mengenai *fada'il al-Quran* adalah termasuk dalam perkara-perkara *sama'i* dan bukan ijihad para sahabat. Justeru, kata-kata sahabat berkenaan fadilat ayat dan surah al-Quran tentunya datang daripada Rasulullah s.a.w. sendiri dan tidak mungkin direka-reka oleh para sahabat. Bahkan menurut kebanyakan ulama, kata-kata sahabat juga termasuk dalam pengertian hadith sama ada jika disandarkan terus kepada Rasulullah s.a.w. akan dipanggil *hadith marfu'*, atau yang disandarkan kepada sahabat dikenali sebagai *hadith mauquf* (Muhammad Ajjaj al-Khatib 1981, 355-356; Mohd Muhiden Abd. Rahman 1996, 27). Dengan sebab itu, kata-kata sahabat yang dijadikan salah satu sumber dalam *Kitab Pati Rahsia* seperti yang dinyatakan di atas juga perlu *ditakhrij* dan diteliti semula kesahihan serta kedudukannya sama ada ia sahih, hasan, daif atau sebagainya.

Tajribah⁸/Pengalaman

Selain hadith dan kata-kata sahabat, Haji Nik Mahmud juga banyak menggunakan *tajribah* atau pengalaman dalam menerangkan sesuatu fadilat ayat atau surah al-Quran. Antara yang terdapat dalam *Kitab Pati Rahsia* adalah:

- Siapa-siapa sentiasa banyak membaca Surah (الم نشرح) mudah mendapat rezekinya dan luas fikirannya senang membuat sesuatu pekerjaan dan hilang daripadanya malas.
(Nik Mahmud 2002, 2)
- Siapa-siapa beramal membaca ayat al-Kursi 1,000 kali pada tiap-tiap hari dan malam, selama empat puluh hari berturut-turut nescaya mengurnia Allah kepadanya dapat memandang rohani yang terang, dan datang malaikat menziarah kepadanya dan memperoleh apa-apa yang dimaksudkan.
(Nik Mahmud 2002, 21-22)
- Siapa-siapa sentiasa membaca al-Fatihah pada tiap-tiap hari dan malam hilanglah pemalasnya dan diperbaik Allah s.w.t. akan kelakuan zahir dan batin.
(Nik Mahmud 2002, 12-13)

Tajribah tidak termasuk di dalam salah satu dalil syarak sama ada dalil-dalil yang disepakati ataupun dalil-dalil yang tidak disepakati. Imam al-Qarafi dalam kitabnya *Tanqih al-Fusul* menyebut 19 dalil yang diterimapakai oleh syarak tetapi tidak menyenaraikan *tajribah* sebagai salah satu daripadanya. Begitu juga penambahan 26 lagi dalil oleh Syeikh Jamal ad-Din al-Qasimi yang turut tidak menyebut tentang *tajribah*. Manakala Syeikh al-Zarkasyi dalam kitabnya *Laqtah al-Ajlan wa Ballah al-Zam'an* juga tidak mengemukakan

⁸ *Tajribah* ialah percubaan-percubaan yang akhirnya membuahkan kejayaan dan hasil yang diinginkan daripada sesuatu amalan. Ia tidak disandarkan kepada dalil-dalil syarak, tetapi hanya semata-mata perasaan, Ahmad al-Ayad *et al.* (t.t.), *al-Mu'jam al-Arabiy al-Asasiy*, Tunis: Larus, hlm. 237).

tajribah sebagai salah satu dalil semasa beliau menyebut dalil-dalil yang disepakati dan tidak disepakati (Ali Jum'ah 2004, 3-5).

Oleh yang demikian, *tajribah* tidak boleh dijadikan hujah dalam penentuan hukum syarak atau dalam mengisbatkan sesuatu amalan. Hal ini demikian kerana konsep ibadah dalam Islam mesti dibina di atas dasar *tauqifi*, iaitu bersandarkan dalil-dalil syarak. Ia berbeza sama sekali dengan urusan-urusan keduniaan seperti pertanian, peperangan dan sebagainya kerana Rasulullah s.a.w. sendiri mengiktiraf *tajribah* yang dibuat oleh sahabat (Abd. al-Karim Zaydan 1999, 165). Nabi s.a.w. pernah bersabda:

أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ

Maksudnya:

Kamu lebih mengetahui urusan-urusan duniamu (Muhy ad-Din Abi Zakariyya Yahya bin Syarf an-Nawawi 1998, Syarh Sahih Muslim, Kitab al-Fada'il, Bab Antum A'lam Bi Amr Dunyakum, hadis ke 2363).

Justeru, dalam menilai amalan-amalan yang berdasarkan *tajribah* seperti yang dianjurkan oleh Haji Nik Mahmud, dapat disimpulkan bahawa *tajribah* seseorang individu tidak boleh dijadikan hujah untuk orang lain beramal dengannya. Ia hanyalah suatu percubaan oleh individu tersebut yang berhasil bagi pihak dirinya ketika itu. Namun, ia tidak semestinya akan berulang pada lain kalinya atau ke atas individu yang lain pula. Apa yang boleh dinyatakan bahawa *tajribah* seumpama ini hanyalah bersifat *al-isti'nas*, iaitu boleh diambil di atas dasar menyedapkan hati (Ahmad al-Ayad *et al.* t.t, 113) dalam beramal dengannya, bukannya sesuatu yang boleh dijadikan sebagai hujah.

Mimpi

Haji Nik Mahmud juga ada menggunakan mimpi sebagai sumber dalam membincangkan fadilat ayat dan surah al-Quran dalam *Kitab Pati Rahsia*. Dalam kajian ini, penulis menemui dua petikan yang menggunakan mimpi sebagai sumber iaitu:

- Sanya seorang daripada wali di Basrah ada bermimpi melihat Thabit bin al-Bannanuy bersaing dengan malaikat seperti orang yang sama-sama terbang, lalu bertanya wali itu kepadanya: "Apakah sebab engkau dapat pangkat yang mulia ini?" Jawabnya: "Adapun sebabnya ialah kerana aku sabar dan mengucap syukur ke hadrat Tuhan dan aku beramal membaca (قل هو الله) seberapa banyak."

(Ahmad al-Ayad *et al.* t.t, 18)

- Pada suatu hari Abu Bakar al-Syibli masuk berjumpa dengan Abu Bakar bin Mujahid al-Muqriy, lalu Abu Bakar bin Mujahid al-Muqriy berdiri kerana memberi hormat kepadanya, kemudian daripada itu, bercakap-cakaplah sahabat-sahabat Abu Bakar bin Mujahid al-Muqriy dari hal perjumpaan kedua mereka itu:

“Apakah sebabnya Abu Bakar bin Mujahid al-Muqriy membesarkan Abu Bakar bin al-Syibli, sedangkan ketika datang Ali bin Isa al-Wazir, tiada bangun ia seperti memuliakan Abu Bakar bin al-Syibli itu?” Mereka bertanyakan kepadanya akan hal yang tersebut, jawabnya: “Adalah Abu Bakar bin al-Syibli itu aku permuliakan kerana ia seorang yang mempunyai kelebihan sehingga Rasulullah sendiri menyuruh aku memuliakan dia sebagaimana yang telah jadi dalam mimpi: Iaitu pada suatu malam aku bermimpi melihat Rasulullah s.a.w.” dan sabdanya kepada aku: “Besok akan datang kepada engkau seorang ahli syurga hendaklah engkau memuliakan dia.” Tiba-tiba Abu Bakar bin al-Syibli datang, lalu aku bangun memuliakannya. Lepas 2 malam daripada itu aku bermimpi pula berjumpa Rasulullah s.a.w dan sabdanya: “Wahai Mujahid sebagaimana engkau memuliakan seorang ahli syurga, maka sesungguhnya memulia pula engkau oleh Allah s.w.t. Kemudian aku bertanya kepada Rasulullah s.a.w: “Wahai Rasulullah s.a.w apakah sebabnya Abu Bakar bin al-Syibli berbahagia mendapat kelebihan itu?” Sabdanya: Ialah sebab Abu Bakar bin al-Syibli itu sentiasa lepas sembahyang berwirid membaca: (لقد جاءكم رسول من انفسكم) hingga akhirnya selama hidupnya lapan puluh tahun.”

(Ahmad al-Ayad *et al.* t.t, 33)

Perbincangan tentang fadilat ayat dan surah al-Quran adalah termasuk dalam perkara-perkara *sama'i* yang tidak boleh direka-reka. Dalam hal ini, adakah mimpi boleh dijadikan sandaran atau hujah dalam menerangkan sesuatu fadilat atau surah al-Quran, lebih-lebih lagi untuk diamalkan oleh orang lain?

Dalam buku *Mada Hujjiyyah al-Ru'ya Inda al-Usuliyyin*, Doktor Ali Jum'ah telah menjelaskan pandangan ulama berkenaan hukum berhujah dengan mimpi. Pertama, ulama Islam bersepakat mengatakan bahawa mimpi yang baik (*al-ru'ya al-salihah*) merupakan suatu perkhabaran yang baik (*busyra*). Mereka juga sepakat mengatakan bahawa mimpi para nabi merupakan wahyu yang wajib dipatuhi oleh nabi yang bermimpi tersebut. Mereka juga bersepakat dalam mengatakan bahawa mimpi yang kosong (*al-hulm*) bukannya satu hujah dalam syarak. Akhir sekali, para ulama juga bersepakat bahawa mimpi yang baik boleh dijadikan penenang hati sekiranya ia bertepatan dengan dalil syarak yang sahih (Ali Jum'ah 2004, 66).

Walau bagaimanapun, para ulama berselisih pendapat dalam persoalan mimpi yang baik yang mengandungi petunjuk terhadap hukum syarak tanpa ada mana-mana sandaran syarak yang sahih. Ini termasuklah persoalan orang yang dilihat dalam mimpi tersebut merupakan Rasulullah s.a.w. sendiri, ataupun orang lain, persoalan pihak yang bermimpi itu ramai atau bersendirian, persoalan mimpi tersebut menjadi hujah kepada yang bermimpi sahaja atau orang Islam semuanya, serta persoalan aspek mimpi tersebut sama ada dalam ibadah, muamalah, atau sebagainya (Ali Jum'ah 2004, 66). Dalam kes ini, Jumhur ulama menyatakan mimpi bukanlah hujah yang diambil kira oleh syarak. Ia bukanlah satu dalil yang diterima oleh syarak, juga tidak boleh diterima pakai dalam mengamalkan sesuatu perkara atau meninggalkannya, dan tidak menunjukkan hukum sunat (galakan) atau tegahan.

Sementara itu, terdapat segelintir mereka yang menyalahi pandangan jumbuh ini dengan mengatakan bahawa mimpi yang berkenaan adalah hujah. Mereka ini terbahagi kepada dua golongan. Pertama, mereka yang menyatakan mimpi bertemu Nabi s.a.w. adalah hujah yang wajib beramal dengan tuntutananya. Kedua, mereka yang menyebut bahawa mimpi adalah hujah sekiranya dialami oleh sekumpulan jemaah yang bermimpi perkara yang serupa (Ali Jum'ah 2004, 81). Pandangan yang lebih tepat dalam persoalan ini ialah apa yang disebut oleh jumbuh ulama bahawa semua jenis mimpi tidak boleh dijadikan hujah syarak. Maka dalam konteks *Kitab Pati Rahsia*, adalah lebih baik jika ditinggalkan amalan-amalan seumpama *fada'il al-Quran* ini sekiranya ia hanya bersumberkan mimpi yang tidak mempunyai sandaran syarak yang kukuh.

Kesimpulan

Daripada apa yang telah dibentangkan, dapat dibuat kesimpulan bahawa *Kitab Pati Rahsia* karya Haji Nik Mahmud bin Ismail adalah merujuk kepada beberapa sumber penghujahan dalam menjelaskan tentang sesuatu perkara khususnya mengenai amalan dan juga *fada'il* ayat-ayat dan surah-surah al-Quran iaitu hadith Nabi, kata-kata sahabat, *tajribah* dan mimpi. Sebahagian sumber-sumber penghujahan tersebut iaitu hadith Nabi dan kata-kata sahabat boleh diterima secara prinsipnya. Namun, ia mesti diteliti dari aspek riwayat dan sanadnya agar ia benar-benar datang daripada sumber yang berautoriti. Sementara itu, sebahagian yang lain pula tidak diakui atau dipertikaikan oleh para ulama untuk dijadikan hujah syarie yang boleh dijadikan asas bagi menentukan sesuatu amalan atau fadilat sesuatu ayat atau surah al-Quran, iaitu *tajribah* dan mimpi.

Rujukan

Abd al-Wahhab Khalaf, 1978, *Ilmi Usul al-Fiqh*, c. 12, Kuwait: Dar al-Qalam.

Abd al-Karim Zaydan, 1999, *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, c. 7, Beirut: al-Risalah.

Ahmad al-Ayad *et al*, (t.t), *al-Mu'jam al-Arabiy al-Asasiy*, Tunis: Larus.

Ahmad bin Muhammad bin Ali al-Fayyumi al-Muqri, 2000, *al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Syarh al-Kabir*, c. 1, Kaherah: Dar al-Hadith.

Ali Jum'ah, 2004, *Mada Hujjiyyah al-Ru'ya Inda al-Usuliyyin*, c. 1, Kaherah: Dar al-Risalah.

Ismail Che Daud, 1989, *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Suara Dakwah, Terbitan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Februari: 1998.

■■■■ ■■■■ ■■■■

Muhammad Ajjaj al-Khatib, 1981, *Usul al-Hadith, 'Ulumuhu wa Mustalatuhu*, c. 4, Mesir: Dar al-Fikr.

Nik Mahmud Ismail, 2002, *Kitab Pati Rahsia*. c. 1, Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.

_____, t.t, *Kitab Pati Rahsia*, Kota Bharu: Percetakan al-Ahliyyah Sdn. Bhd.

Sayyid Muhammad Haqqi al-Nazili, t.t. *Khazinah al-Asrar*, Kaherah: Maktabah Jumhuriyyah Misr.

Abdul Hayei bin Abdul Sukor, 1988, *Sumbangan Shah Waliyullah ad-Dihlawi Kepada Ilmu Hadith dan Penganutnya di Kelantan*, Tesis Ph.D, Universiti Malaya.

Seti Khadijah binti Haji Abdul Rahman, 1978, *Datuk Perdana Menteri Haji Nik Mahmood: Satu Tinjauan Tentang Ketokohan dan Peranannya Dalam Pentadbiran Negeri Kelantan*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Hayei Abdul Sukor, 2003, *Sumbangan Tok Kenali Kepada Gerakan Tajdid Islam di Kelantan*, *Jurnal al-Quran dan al-Hadith*, Bil. 1. Mei.

Mohd Muhiden Abd. Rahman, 1996, *Al-Hadith: Kedudukan dan Peranannya dalam Islam*, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 4, Mei.

Encik Ismail bin Che Daud, Pesara JHEAIK, penulis dan pengkaji sejarah negeri Kelantan.

NORHAFIZAH MAT YUSOFF
Sekolah Menengah Kebangsaan Lembah Bidong
21010 Setiu, Terengganu, MALAYSIA.
Emel: hafizah_yusoff@yahoo.com

HASANULDDIN MOHD
Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Darul Iman Malaysia
Kampus KUSZA, Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.
Emel: hasandin@udm.edu.my.

ABDUL MANAM MOHAMAD, Ph.D.
Jabatan Usuluddin
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Darul Iman Malaysia
Kampus KUSZA, Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.
Emel: abdulmanam@udm.edu.my.